

Rujukan : UKM PPI/224/7

Tarikh : 25 November 2018

**PEKELILING CRIM BIL. 6/2018**

Dekan/Pengarah  
Fakulti/Institut/Pusat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN PEMANTAUAN PROJEK PENYELIDIKAN (UKM-SPKP-CRIM-PK02-GP01)  
PINDAAN 24 SEPTEMBER 2018**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) telah mengeluarkan Pekeliling CRIM Bil. 4/2018: Garis Panduan Pemantauan Projek Penyelidikan (UKM-SPKP-CRIM-PK02-GP01) pada 1 Julai 2018. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Penyelidikan dan Inovasi (JPPI) Bil. 4/2018 pada 2 Julai 2018 telah bersetuju mencadangkan pihak CRIM untuk menyemak semula dan membuat penambahbaikan terhadap bilangan penyeteraan KPI penerbitan jurnal dan bab dalam buku.

3. Penyeteraan penerbitan ini telah ditambah baik dan Mesyuarat JPPI Bil. 5/2018 pada 24 September 2018 juga telah bersetuju meluluskan KPI penerbitan projek penyelidikan Dana Dalam Universiti iaitu Dana Pusat Tanggungjawab (PTj) dan Dana Universiti Penyelidikan (UP) selain Dana Impak Perdana (DIP) dan Dana Pembangunan PTj (DPP-PTj) adalah seperti berikut :

PERUNTUKAN (RM)	KPI PENERBITAN
RM0 - RM 999.99	1 Lain-lain-lain Penerbitan*
RM1,000.00 - RM9,999.99	1 Artikel dalam Jurnal Tidak terindeks <b>ATAU</b> 2 Lain-lain-lain Penerbitan*
RM10,000.00 - RM29,999.99	1 Artikel dalam Prosiding Terindeks (WoS/SCOPUS/ERA) <b>ATAU</b> 2 Artikel dalam Jurnal Tidak Terindeks



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Telefon: +603-8921 3095 Faksimili: +603-8925 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Laman Web: <http://research.ukm.my>

PERUNTUKAN (RM)	KPI PENERBITAN
RM30,000.00 - RM 49,999.99	1 Artikel dalam Jurnal Terindeks (WoS/SCOPUS/ERA) <b>ATAU</b> 2 Artikel dalam Prosiding Terindeks (WoS/SCOPUS/ERA) <b>ATAU</b> 1 Bab dalam Buku
RM50,000.00	1 Artikel dalam Jurnal WoS (Q1/Q2) <b>ATAU</b> 1 Kertas Polisi/Dasar** <b>ATAU</b> 4 Artikel dalam Jurnal Terindeks (WoS/SCOPUS/ERA) <b>ATAU</b> 1 Buku Penyelidikan <b>ATAU</b> 4 Bab dalam Buku Penyelidikan
<p>*Lain-lain penerbitan ialah seperti kajian kes, laporan teknikal, laporan komprehensif, artikel majalah, surat khabar, karya asli, penerbitan dari persidangan, digital atau media cetak.</p> <p>**Kertas polisi yang menyumbang kepada pembentukan/penambahbaikan/pemansuhan dasar/fatwa/akta dan seumpamanya yang telah diterima pakai oleh pemegang taruh (stakeholder) sama ada agensi kerajaan, swasta atau antarabangsa.</p>	

4. Selaras dengan ini, Garis Panduan Pemantauan Projek Penyelidikan (UKM-SPKP-CRIM-PK02-GP01) yang terkini adalah berkuat kuasa mulai **24 September 2018**. Garis Panduan ini boleh dicapai melalui laman sesawang <http://research.ukm.my>. Dengan berkuatkuasanya Garis Panduan Pemantauan Projek Penyelidikan (UKM-SPKP-CRIM-PK02-GP01) Pindaan 24 September 2018 ini, Garis Panduan Pemantauan Projek Penyelidikan (UKM-SPKP-CRIM-PK02-GP01) Pindaan 1 Julai 2018 adalah **DIBATALKAN**.

5. Sehubungan ini, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./tuan/puan dapat memaklumkan perkara ini kepada semua penyelidik dan Sekretariat Penyelidikan di bawah pengawasan dan penyeliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./tuan/puan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**PROF. DATO' DR. MUHAMMAD FAUZI MOHD ZAIN**  
Pegarah  
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi

/berlampir

- s.k.
- Naib Canselor  
Universiti Kebangsaan Malaysia
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Kebangsaan Malaysia
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)  
Universiti Kebangsaan Malaysia
  - Pengarah Eksekutif Pentadbiran  
Universiti Kebangsaan Malaysia
  - Ketua Pustakawan  
Universiti Kebangsaan Malaysia



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Telefon: +603-8921 3095 Faksimili: +603-8925 4550 E-mel: [drmc@ukm.edu.my](mailto:drmc@ukm.edu.my) Laman Web: <http://research.ukm.my>